



## KENYATAAN MEDIA BAGI AKAUN EKONOMI NEGARA MALAYSIA

### Tabungan kasar Malaysia merekodkan RM402.6 bilion pada 2021

**PUTRAJAYA, 19 Disember 2023** – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia menerbitkan Akaun Ekonomi Negara Malaysia dimana sebelum ini dikenali Akaun Pengagihan & Penggunaan Pendapatan dan Akaun Modal. Statistik Akaun Ekonomi Negara menggambarkan keseluruhan indikator makroekonomi berkaitan pendapatan, tabungan, pelaburan dan pemberian pinjaman bersih atau penerimaan pinjaman bersih bagi setiap sektor institusi dalam ekonomi. Oleh itu, Akaun Ekonomi Negara membentangkan gambaran lengkap transaksi serta hubungan antara pelbagai aliran ekonomi. Aliran ekonomi disusun mengikut empat sektor institusi, iaitu Perbadanan bukan kewangan, Perbadanan kewangan, Kerajaan am, dan Isi rumah termasuk Institusi bukan untung yang berkhidmat untuk isi rumah melalui jujukan akaun bersepadu berdasarkan Sistem Akaun Negara 2008 (SNA).

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, “Pendapatan boleh guna kasar Malaysia mencatatkan RM1,497.1 bilion pada 2021 dengan sektor Isi rumah berjumlah RM903.1 bilion. Pendapatan boleh guna Isi rumah meningkat 2.8 peratus berbanding penurunan 4.1 peratus pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan ini disumbangkan oleh penerimaan faedah sosial yang lebih tinggi dan peningkatan dalam kadar penyertaan buruh. Ini telah menyebabkan penggunaan akhir atau perbelanjaan isi rumah meningkat pada 2021 dengan mencatatkan pertumbuhan 3.7 peratus (2020: -4.3%). Oleh itu, kadar tabungan isi rumah Malaysia adalah 8.3 peratus (2020: 8.5%) daripada pendapatan boleh guna isi rumah (termasuk pelarasan perubahan kelayakan pencen) pada 2021.”

Beliau menambah, “Pendapatan boleh guna negara kasar mengukur pendapatan yang tersedia kepada keseluruhan ekonomi untuk penggunaan akhir dan tabungan kasar. Oleh itu, Tabungan negara kasar (TNK) merekodkan RM402.6 bilion (2020: RM337.9 bilion) pada 2021, peningkatan sebanyak 19.1 peratus daripada tahun sebelumnya. Dari segi institusi, sektor Perbadanan bukan kewangan merekodkan tabungan kasar tertinggi dengan RM283.3 bilion (sumbangan: 70.4%). Ini diikuti oleh Isi rumah dengan RM80.8 bilion (sumbangan: 20.1%) dan sektor Kerajaan am dengan RM21.8 bilion (sumbangan: 5.4%). Selebihnya tabungan kasar oleh sektor Perbadanan kewangan yang berjumlah RM16.7 bilion atau 4.1 peratus daripada TNK.”

**Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Selasa, 19 Disember 2023**

Mengulas lanjut, ekonomi Malaysia merupakan Pemberi pinjaman bersih kepada sektor luaran dengan RM59.7 bilion atau 3.9 peratus daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada 2021. Pemberian pinjaman bersih (+) atau Penerimaan pinjaman bersih (-) merupakan perubahan dalam nilaikekayaan disebabkan oleh tabungan serta pindahan modal yang ada digunakan untuk membiayai pembentukan modal atau pelaburan. Oleh itu, sektor Perbadanan bukan kewangan memegang kedudukan Pemberian pinjaman bersih sebanyak RM119.1 bilion atau 7.7 peratus daripada KDNK. Kedua-dua sektor Isi rumah dan Perbadanan kewangan juga mencatatkan kedudukan Pemberian pinjaman bersih dengan masing-masing RM28.3 bilion (1.8% daripada KDNK) dan RM4.6 bilion (0.3% daripada KDNK). Namun begitu, sektor Kerajaan am mencatatkan kedudukan Penerimaan pinjaman bersih dalam ekonomi dengan jumlah RM92.3 bilion (-6.0% daripada KDNK) pada 2021.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>

DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.

Diterbitkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
19 DISEMBER 2023**



## **MEDIA STATEMENT FOR NATIONAL ECONOMIC ACCOUNTS OF MALAYSIA**

### ***Malaysia's gross saving recorded RM402.6 billion in 2021***

**PUTRAJAYA, 19 December 2023** – Today, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) published the National Economic Accounts of Malaysia which previously was known as Distribution & Use of Income Accounts and Capital Account. The statistics of National Economic Accounts portray a comprehensive picture of macroeconomic indicators concerning income, saving, investment and net lending or net borrowing for each institutional sector in the economy. Therefore, the National Economic Accounts presents a complete overview of transactions and relationships among the various flows of the economy. The economic flows were compiled according to four institutional sectors, namely Non-financial corporations, Financial corporations, General government, and Households including Non-profit Institutions Serving Households (NPISHs), through an integrated sequence of accounts based on 2008 System of National Accounts (SNA).

According to the Chief Statistician of Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "Malaysia's gross disposable income posted RM1,497.1 billion in 2021 with Households sector comprised RM903.1 billion. Households disposable income grew by 2.8 per cent as compared to a decrease of 4.1 per cent in the previous year. The growth was attributed to the higher receivables of social benefits and the improvement in the labour force participation rate. This has resulted in final consumption or households spending gained a momentum in 2021 by registering a growth of 3.7 per cent (2020: -4.3%). Hence, Malaysian households saving rate was 8.3 per cent (2020: 8.5%) of households' disposable income (includes adjustment for the change in pension entitlements) in 2021".

He added, "Gross national disposable income measures the income available to the total economy for final consumption and gross saving. Therefore, Gross national saving (GNS) recorded RM402.6 billion (2020: RM337.9 billion) in 2021, an increase of 19.1 per cent from the previous year. In terms of institutional, the Non-financial corporations sector recorded the highest gross saving with RM283.3 billion (share: 70.4%). This was followed by Households with RM80.8 billion (share: 20.1%) and General government sectors with RM21.8 billion (share: 5.4%). The remaining gross saving was from Financial corporations sector which amounted to RM16.7 billion or 4.1 per cent of GNS.

Commenting further, Malaysia's economy was a Net lender to the external sector with RM59.7 billion or 3.9 per cent of Gross Domestic Product (GDP) in 2021. Net lending (+) or Net borrowing (-) represents the changes in net worth due to saving and capital transfers that were used to fund capital formation or investment. Therefore, Non-financial corporations sector held a Net lending position of RM119.1 billion or 7.7 per cent of GDP. Both Households and Financial corporations sectors also registered Net lending position of RM28.3 billion (1.8% of GDP) and RM4.6 billion (0.3% of GDP), respectively. Nevertheless, General government sector had a Net borrowing position within the economy with an amount of RM92.3 billion (-6.0% of GDP) in 2021.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development".

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life".

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA  
19 DECEMBER 2023**